

## POLISI KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR

Adalah menjadi komitmen Sarawak Metro Sdn Bhd untuk bekerja sebagai satu pasukan di dalam meminimumkan risiko Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KKPAS) yang berterusan dengan mengambil langkah-langkah berikut:

1. Melaksanakan pengurusan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar dengan menghadiri induksi keselamatan, latihan serta lain-lain program kesedaran bagi memastikan kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
2. Melindungi semua pihak yang berkepentingan daripada bahaya Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar setara dengan standard pematuhan dan piawaian nasional dan antarabangsa.
3. Menggalakkan penglibatan aktif pekerja, konsultan, kontraktor dan orang ramai dalam semua program Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar selari dengan Polisi ini.
4. Mengambil langkah - langkah praktikal untuk mencegah atau mengelak kecederaan dan penyakit berkaitan pekerjaan di tempat kerja.
5. Mewujud dan mengekalkan Sistem Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar yang optima setiap masa.
6. Mempromosi kesedaran keselamatan bahawa semua kecederaan adalah boleh dicegah dan meningkatkan kebertanggungjawaban individu untuk pencegahan kemalangan.
7. Memelihara dan memulihara alam sekitar untuk kesinambungan generasi akan datang melalui pencegahan pencemaran alam sekitar.
8. Sentiasa meningkatkan Sistem Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (Pelan/Manual/Prosedur) dan inovatif dalam amalan kerja dan pelaksanaan program.

Dengan cara ini, kami komited untuk mencapai piawaian Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar yang bermanfaat dan praktikal serta mampu meningkatkan keyakinan semua pihak yang berkepentingan.

**"MENGANIMASIKAN KKPAS ADALAH SATU CARA HIDUP"**



**TS. MAZLI BIN MUSTAFFA**

Ketua Pegawai Eksekutif

Sarawak Metro Sdn Bhd